



SIARAN AKHBAR

MILO® UHT Ganding Bahu Dengan 99

Speedmart

Projek CAREton sasaran kutipan 400,000 pek minuman menjelang akhir 2020 di 99 Speedmart

SELANGOR, 9 September 2020 - MILO® UHT hari ini mengumumkan kerjasama baharu untuk mengitar semula 400,000 pek minuman terpakai menjelang akhir 2020 bersama 99 Speedmart sebagai sebahagian daripada usaha untuk meluaskan capaian Projek CAREton.

Projek CAREton yang dilancarkan pada 2012 ialah usaha sama antara MILO® UHT dan Tetra Pak® untuk mengumpulkan pek minuman terpakai untuk dikitar semula menjadi genting atap poli Aluminium (PolyAl) dan papan panel 'mesra alam' untuk masyarakat. Pada tahun ini, dengan sokongan 99 Speedmart, MILO® UHT berhasrat untuk meluaskan lagi capaian projek ini. Fasa perintis akan bermula di seratus gedung 99 Speedmart di Lembah Klang, dengan peti kitar semula CAREton ditempatkan di setiap lokasi untuk digunakan oleh masyarakat setempat dan pelanggan 99 Speedmart.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad berkata, "Usaha mencapai masa depan tanpa sisa buangan perlu diperluas dan Projek CAREton nyata memperlihatkan kerjasama yang membawa kepada pencapaian bermakna. Kami telah berjaya mengumpulkan lebih 95 juta pek minuman terpakai yang telah membantu membina lebih daripada 250 buah rumah dalam program ini sahaja. Langkahnya mudah, pertama – tolak straw ke dalam pek, *flip, flap, flat* (buka kelepak dan leperkan) dan masukkan ke dalam mana-mana tempat kutipan kami. Dengan sokongan 99 Speedmart, rangkaian tempat kutipan akan diperluaskan dengan ketara. Kami akan terus memacu agenda kitar semula untuk membina masa depan yang lebih lestari."

En. Lee Thiam Wah, Pengasas dan Pengarah Urusan 99 Speedmart berkata, "Kami teruja untuk menjadi sebahagian daripada Projek CAREton, yang memberi peluang kepada kami untuk menggalakkan tingkah laku mesra alam dalam kalangan pelanggan kami. Kami berharap usaha sama ini akan menggalakkan masyarakat untuk mula mengitar semula pek minuman mereka dalam peti kitar semula CAREton yang akan diletakkan di tempat yang mudah ditujui di hadapan gedung 99 Speedmart yang terpilih."

Para pengguna boleh memasukkan pek minuman terpakai ke dalam peti kitar semula CAREton yang terletak di gedung 99 Speedmart terpilih di sekitar Lembah Klang. Untuk mendapatkan lokasi terdekat peti kitar semula CAREton, sila layari laman web <http://recycle-easy.com.my>. Untuk mereka yang berminat untuk menjadi rakan kutipan CAREton, butiran lanjut juga boleh didapati di laman web ini.

Untuk maklumat lanjut mengenai Projek CAREton, sila layari <https://www.milo.com.my/careton-project>.

Mengenai MILO®

MILO®, minuman malt coklat berkhasiat yang terkenal di Malaysia, diperkenalkan pada 1950 dan dikenali kerana keunikan rasanya yang digemari oleh rakyat Malaysia. MILO®, yang mengandungi khasiat kebaikan malta, susu dan koko, serta diperkaya dengan Activ-Go®, adunan unik vitamin dan mineral, merupakan minuman paling popular di Malaysia yang telah membantu melahirkan juara sejak zaman-berzaman.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 189 buah negara di seluruh dunia, dan seramai 328,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, iaitu untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan serta memainkan peranan untuk membina masa depan yang lebih sihat. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6650

+6012-353 1337

E-mel: Maxine.Lim@my.nestle.com

Alya Nurina atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

+6010 -221 8216 (Alya) atau

+6017 237 9048 (Yasmin)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my